# Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**16 Julai 2021**

**MCMC KELUARKAN 64 KOMPAUN BERNILAI RM3.2 JUTA KEPADA EMPAT (4) SYARIKAT TELEKOMUNIKASI PADA SUKU KEDUA 2021**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan 64 kompaun bernilai RM3.2 juta pada suku kedua 2021 kepada empat (4) syarikat telekomunikasi atas kegagalan mematuhi rancangan penomboran dan pengalamatan elektronik serta ketidakpatuhan kepada Garis Panduan Prabayar bagi pendaftaran pengguna akhir.

Daripada nilai RM3.2 juta tersebut, sebanyak 54 kompaun yang bernilai RM2.7 juta dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi, Maxis Broadband Sdn Bhd adalah kerana kegagalan mematuhi rancangan penomboran dan pengalamatan elektronik.

Selain daripada itu, pihak MCMC juga turut mengeluarkan 10 kompaun atas ketidakpatuhan kepada Garis Panduan Prabayar bagi pendaftaran pengguna akhir iaitu lima (5) kompaun yang bernilai RM250,000.00 kepada syarikat U Mobile Sdn Bhd, diikuti dua (2) kompaun bernilai RM100,000.00 kepada Maxis Broadband Sdn Bhd serta dua (2) kompaun bernilai RM100,000.00 kepada Digi Telecommunications Sdn Bhd. Manakala XOX Com Sdn Bhd dikenakan satu (1) kompaun yang bernilai RM50,000.00.

Berikut merupakan jumlah dan nilai kompaun yang dikeluarkan oleh MCMC pada suku kedua 2021:

**JUMLAH & NILAI KOMPAUN (SUKU KEDUA 2021)**

| **Bil.** | **Syarikat Telekomunikasi** | **JENIS KESALAHAN** | **Jumlah Kompaun** | **Nilai Kompaun** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Maxis Broadband Sdn Bhd | Peraturan 4 (2) Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Penomboran) 2016 iaitu kegagalan pemegang penguntukan mematuhi rancangan penomboran dan pengalamatan elektronik | 54 | RM2.7 juta |
| 2. | U Mobile Sdn Bhd | Seksyen 127 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu kegagalan untuk mematuhi *Guidelines on Registration of End-Users of Prepaid Public Cellular Services (MCMC/G/01/17)* | 5 | RM250,000 |
| 3. | Maxis Broadband Sdn Bhd | | 2 | RM100,000 |
| 4. | Digi Telecomunications Sdn Bhd | | 2 | RM100,000 |
| 5. | XOX Com Sdn Bhd | | 1 | RM50,000 |
| | | **JUMLAH** | **64** | **RM3.2 juta** |

Tindakan ini diambil bagi memastikan hak pengguna diberi keutamaan dalam memilih syarikat telekomunikasi berdasarkan kepada perkhidmatan yang ditawarkan.

MCMC memandang serius kesalahan yang dilakukan oleh syarikat telekomunikasi tersebut. Syarikat telekomunikasi juga digesa agar lebih tegas terhadap ejen-ejen mereka dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan

serta tidak mengabaikan aspek keselamatan dalam usaha membendung jenayah siber dan kepentingan pengguna.

**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia   MCMC_RASMI   SKMM_MCMC   MCMCTV